

PANDUAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN

BILA PERLU KEMUKA PEMBAHARUAN LESEN?

Pemegang Lesen dikehendaki memohon pembaharuan lesen melalui laman web <http://e-lesen.mpob.gov.my> dalam tempoh tidak kurang daripada 1 bulan tetapi tidak awal daripada 3 bulan daripada tarikh habis tempoh lesen.

Contoh: Jika tarikh habis tempoh lesen adalah pada 31 Mac, maka permohonan pembaharuan boleh dikemukakan dari 1 Januari hingga 28 Februari.



JIKA MEMOHON KURANG DARI 1 BULAN, APA TINDAKAN MPOB?

Seseorang yang memohon pembaharuan kurang daripada 1 bulan dari tarikh habis tempoh, suatu fi lewat akan dikenakan untuk meneruskan pembaharuan lesennya iaitu sebanyak 1% daripada fi lesen atau RM10.00, mana-mana yang lebih tinggi bagi tiap-tiap hari kelewatan dan termasuk tarikh habis tempoh lesen.

Contoh: Fi lesen kategori Tapak Semaian (NN) adalah berjumlah RM300.00 dan tarikh habis tempoh pada 31 Mac.

Jika borang permohonan diterima pada 10 Mac, maka bilangan hari yang dikenakan fi lewat adalah;

$$\begin{array}{r} 10 \text{ hari} \quad \text{(jumlah hari lewat)} \\ + \quad 1 \text{ hari (tarikh habis tempoh)} \\ \hline 11 \text{ hari} \quad \text{(jumlah hari dikenakan fi lewat)} \\ \hline \end{array}$$

- 1 hari lewat - 1% daripada fi lesen adalah RM3.00 atau RM10.00 (1 hari lewat)
- Jika 11 hari - RM33.00 atau RM110.00
- Oleh itu bayaran fi lewat adalah RM110.00 kerana lebih tinggi dari RM33.00

JIKA MEMOHON PEMBAHARUAN SELEPAS HABIS TEMP OH, APA TINDAKAN MPOB?

Permohonan pembaharuan yang dibuat selepas tarikh habis tempoh lesen, Ketua Pengarah boleh enggan memperbaharui lesen itu atau boleh memperbaharui lesen tertakluk kepada penganan fi habis tempoh tidak melebihi 500% daripada fi lesen atau RM5,000.00, mana-mana yang lebih besar. Selain daripada fi habis tempoh, pemegang lesen juga dikenakan bayaran fi lewat kerana mengemuka permohonan pembaharuan kurang daripada 1 bulan dari tarikh habis tempoh.

Contoh: Lesen kategori Tapak Semaian (NN) adalah berjumlah RM300.00 dan tarikh habis tempoh pada 31 Mac.

Jika borang permohonan diterima pada 7 April, maka fi yang dikenakan adalah;

(a) Fi habis tempoh

500% daripada fi lesen adalah RM1,500.00 atau RM5,000.00.

- Maka bayaran fi habis tempoh RM5,000.00.

(b) Fi lewat:

31 hari dikira dari 01 Mac hingga tarikh habis tempoh iaitu 31 Mac,

- Maka fi lewat adalah 31 hari X RM10.00 (jumlah lebih besar) = RM310.00

➤ Oleh itu jumlah kena bayar : RM5,000.00 + RM310.00 = RM5,310.00

BERAPA LAMAKAH TEMPOH PERMOHONAN PEMBAHARUAN BOLEH DIKEMUKA SELEPAS TARIKH HABIS TEMPOH?

Pemegang lesen diberi peluang membaharui lesen dalam tempoh 3 bulan sahaja selepas tarikh habis tempoh tertakluk kepada pembayaran fi habis tempoh dan fi lewat.

ADAKAH PERMOHONAN PEMBAHARUAN BOLEH DITOLAK?

Sesuai permohonan pembaharuan lesen boleh ditolak jika pemegang lesen tidak aktif menggunakan lesen melebihi daripada dua (2) tahun berturut-turut.